

Mohd. Said minta maaf kepada PM

UM - 11/5/2006

KUALA LUMPUR 10 Mei - Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd. Said Yusof (gambar) yang sebelum ini begitu lantang 'menghentam' Kastam Diraja Malaysia (KDRM) di Dewan Rakyat sehingga menimbulkan pelbagai kontroversi, memohon maaf kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Menurutnya, permohonan maaf tersebut dibuat ketika berjabat tangan dengan Perdana Menteri selepas majlis taklimat khas kepada

pemimpin UMNO Bahagian di Ibu Pejabat parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

"Saya bersalam dengan Perdana Menteri dan memberitahu beliau, jika saya salah dalam hal ini, saya minta maaf," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Mohd. Said juga menjelaskan, permohonan maaf itu juga dibuat berhubung laporan akhbar minggu lalu yang mendakwa beliau meminta Katam 'menutup sebelah mata' berhubung kes membawa kayu ber-

gergaji tidak memenuhi spesifikasi di Pelabuhan Tukar Barang Sungai Rambai dan Kuala Linggi, Melaka.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Jasin itu yang mempunyai dua syarikat iaitu ejen perkapalan dan pengangkutan (*forwarding*) enggan mengulas lanjut sama ada Perdana Menteri ada menyatakan sesuatu selepas beliau berbuat demikian.

Diminta menjelaskan sama ada kayu bergergaji itu milik syarikatnya, beliau berkata, syarikatnya hanya mengendalikan urusan seba-

gai ejen di pelabuhan berkenaan dan bukan peniaga kayu.

Katanya, 'BinYusuf Enterprise' miliknya adalah agensi perkapalan dan pengangkutan yang mengendalikan pengimportan kayu bergergaji dari Indonesia di kedua-dua pelabuhan terbabit.

Beliau menegaskan, sejak Januari lalu, KDRM menyita kayu tidak mengikut spesifikasi dan melelongnya, sekali gus merugikan peniaga kayu di kawasan terbabit.

"Akibat tidak mahu menanggung

kerugian, pengeksport kayu dari Indonesia itu beralih ke Pelabuhan Jurong, Singapura.

"Ini sekali gus, merugikan peniaga di pelabuhan berkenaan dan negara," ujarnya.

Menjelaskan pertemuannya dengan Pengarah dan Penolong Pengarah (Pencegahan) KDRM di ibu pejabat KDRM di Wisma Kastam, Ayer Keroh pada 14 April lalu, Mohd. Said berkata, ia dibuat selepas diminta oleh pengusaha jeti, peniaga kayu dan ejen di kedua-dua pelabuhan itu.

